

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **DIALOG BAJET SELANGOR TAHUN 2013 PERINGKAT PBT**

Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa memberikan ruang dan peluang kepada rakyat di dalam kawasan pentadbiran PBT khususnya MBPJ untuk turut serta memberikan idea, komen serta maklum balas berhubung aktiviti-aktiviti yang akan memperkasakan lagi ekonomi dan kesejahteraan masyarakat yang bermastautin di negeri Selangor.

Ingin dimaklumkan bahawa, Bandar Raya Petaling Jaya mempunyai stakeholders pelbagai peringkat dari pemimpin negeri dan Negara, professional, pesara serta masyarakat dari pelbagai kaum. Manakala dari segi kawasan pentadbiran MBPJ adalah seluas 97.2 kilometer persegi dengan jumlah penduduk melebihi 650,000 orang dengan pegangan pemilik harta berjumlah 217,744.

Sebagai makluman juga, pendapatan tahunan MBPJ pada tahun ini ialah 281 juta ringgit, yang mana 188 juta merupakan hasil cukai dan 86 juta lagi adalah hasil bukan cukai.

Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (pbt) peneraju, dinamik dan lestari, MBPJ juga sentiasa bersama penduduk untuk memastikan keperluan penduduk dapat dipenuhi. MBPJ akan mengadakan sesi dialog bersama penduduk untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan dalam penyediaan kemudahan infrastruktur dan lain-lain bagi keselesaan penduduk setempat.

Dialog bajet Selangor tahun 2013 ini adalah sangat penting dan sangat berguna kepada semua pihak termasuklah pihak swasta dan awam. Penyertaan masyarakat dari pelbagai peringkat juga merupakan salah satu perkara terpenting untuk mendapatkan penerangan yang jelas tentang kepentingan Majlis Dailog Bajet Negeri ini.

Pihak Majlis mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, kepada semua yang terlibat dan semoga terbentuknya jalinan kerjasama yang kukuh dan berterusan untuk menyalurkan input yang bernas dan positif yang boleh merangsangkan lagi ekonomi negeri Selangor.

Oleh yang demikian, diharapkan agar perbincangan berkumpulan yang diadakan akan berlangsung dengan harmoni serta melahirkan idea dan maklumat yang berguna untuk disalurkan kepada kerajaan negeri agar bajet 2013 yang akan dibentangkan kelak akan memberi manfaat kepada semua peringkat masyarakat, seterusnya dapat membantu memajukan negeri Selangor secara holistic dan berimbang bagi tahun 2013.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**